



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERUSAHA

DR SITI NUR FADZILAH MUHSAIN

PENOLONG REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

KAMPUS BERTAM

SEMPENA

BENGKEL PENYEDIAAN PORTFOLIO PENGAJARAN DAN

FAIL KURSUS 2022

DI

BILIK MESYUARAT UTAMA

PADA

23 MARCH 2022 / 20 SHA'BAN 1443

(ISNIN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. Yang Berusaha

Dr Lly Nyl Ismail

Ketua Unit Pengurusan Kualiti

UiTM Cawangan Pulau Pinang

2. Yang Berusaha

Puan Noor ‘Aina Abdul Razak

Ketua Sistem Audit

UiTM Cawangan Pulau Pinang

3. Yang Berusaha Ts. Dr. Wan Ismahanisa binti Ismail

Ketua Pusat Pengajian

Fakulti Sains Kesihatan

UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

4. Ahli Jawatankuasa Program.

**5. Seterusnya staf akademik Fakulti Sains Kesihatan dan Farmasi
yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama **memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T.** kerana dengan limpah dan kurniaNya serta peluang yang diberikan kepada kita untuk mengadakan Bengkel Penyediaan Portfolio Pengajaran dan Fail Kursus 2022 pada hari ini. Syabas dan tahniah kepada pengajur iaitu Unit Kualiti FSK, UiTMCPP Kampus Bertam yang telah merealisasikan program pada hari ini.

2. Dikesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan atas kehadiran semua staf akademik ke bengkel ini terutamanya khusus buat staf akademik baharu yang diwajibkan hadir pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Bengkel Penyediaan Portfolio Pengajaran dan Fail Kursus 2022 ini adalah program yang dinanti-nantikan oleh staf akademik khususnya untuk menambahkan pengetahuan tentang cara penyediaan portfolio pengajaran yang betul. Walaupun ada pensyarah lama yang biasa melakukan penyediaan portfolio ini saban tahun, namun baru-baru ini terdapat kemas kini dalam penyediaan portfolio pengajaran darip pihak Unit Kualiti. Oleh itu, saya amat berbesar hati sekiranya semua staf akademik dapat memanfaatkan sesi bengkel pada hari ini.

4. Harapannya, semoga Bengkel Penyediaan Portfolio Pengajaran dan Fail Kursus 2022 ini membuka mata serta memantapkan pengetahuan dalam penyediaan portfolio pengajaran dan fail kursus dengan lebih tepat kepada semua staf akademik UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam. Terima kasih Unit Kualiti FSK yang komited mengadakan bengkel seumpama ini.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Akhir kata, sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.